



TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

PROGRAM pH JKR DAY 2026

"STANDARD DIPERKUKUH, KELESTARIAN DIPERKASA"

14 JULAI 2026 SELASA | 9.00 PAGI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

<<< Saluti akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana dapat berhimpun dalam Program pH JKR Day 2026 yang bertemakan "**Standard Diperkukuh, Kelestarian Diperkasa**", suatu manifestasi komitmen JKR terhadap kecemerlangan standard dan kelestarian.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia atas kejayaan menganjurkan program ini. Syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang telah menyumbang ke arah kejayaannya.
3. Program pada hari ini bukan sekadar satu acara tahunan atau platform penyampaian pengiktirafan. Lebih daripada itu, ia mencerminkan kesungguhan JKR untuk terus memperkukuh budaya kecemerlangan, mempertingkatkan piawaian profesional dan membudayakan kelestarian sebagai teras kepada setiap keputusan, tindakan dan penyampaian perkhidmatan.

MEMPERKUKUH KELESTARIAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati,

4. Dunia hari ini sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks. Perubahan iklim, peningkatan suhu global, bencana berkaitan cuaca, tekanan terhadap sumber asli serta tuntutan rakyat terhadap pembangunan yang lebih berkualiti menuntut pendekatan baharu dalam merancang dan melaksanakan pembangunan negara.
5. Dalam keadaan sedemikian, kejayaan sesebuah negara tidak lagi diukur semata-mata melalui jumlah infrastruktur yang berjaya dibina, tetapi turut dinilai berdasarkan sejauh mana pembangunan tersebut mampu bertahan, menjimatkan penggunaan sumber, memelihara alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup rakyat secara berterusan.
6. Justeru, kelestarian bukan lagi satu pilihan, bukan juga sekadar pelengkap kepada pembangunan. Kelestarian merupakan satu tanggungjawab. Ia perlu menjadi prinsip asas yang membimbing setiap perancangan, reka bentuk, pembinaan, penyelenggaraan dan pengoperasian aset kerajaan.

7. Inilah juga semangat yang ingin diterjemahkan melalui aspirasi **Malaysia MADANI**, iaitu memastikan setiap dasar dan pembangunan negara dilaksanakan secara lebih bertanggungjawab, berintegriti, inklusif dan memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat.

PERANAN STRATEGIK JKR SEBAGAI PENERAJU PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Hadirin sekalian,

8. Dalam konteks ini, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia memikul satu amanah yang amat besar. Sebagai agensi teknikal utama negara, JKR bukan sahaja bertanggungjawab membina jalan raya, jambatan, bangunan kerajaan dan pelbagai kemudahan awam, malah berperanan memastikan setiap aset yang dibangunkan memenuhi standard tertinggi dari aspek keselamatan, kualiti, kecekapan, daya tahan serta kelestarian.
9. Saya sentiasa percaya bahawa infrastruktur yang cemerlang bukan sekadar diukur melalui kekuatan struktur fizikalnya. Nilai sebenar sesebuah infrastruktur terletak pada keupayaannya meningkatkan

kesejahteraan rakyat, merangsang pertumbuhan ekonomi, memelihara alam sekitar serta terus memberi manfaat kepada generasi yang akan datang.

10. Sebab itulah saya sering menegaskan bahawa **kita tidak mahu sekadar membina projek yang siap mengikut jadual, tetapi kita mahu membina legasi yang mampu bertahan merentasi generasi.** Itulah ukuran sebenar sebuah pembangunan yang mampan.

11. Saya menyambut baik penekanan Yang Berbahagia Ketua Pengarah Kerja Raya sebentar tadi bahawa pengukuhan standard, sistem dan tadbir urus merupakan asas penting dalam memperkasakan agenda kelestarian JKR.

12. Saya bersetuju sepenuhnya bahawa standard bukan sekadar satu dokumen teknikal untuk dipatuhi. **Standard ialah manifestasi ilmu, pengalaman, integriti dan komitmen organisasi terhadap kecemerlangan.** Apabila standard diperkukuh, kualiti akan meningkat. Apabila kualiti meningkat, keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan kerajaan turut diperkukuh.

13. Pada masa yang sama, tadbir urus yang baik merupakan tunjang kepada penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, telus dan berakauntabiliti. Tanpa tadbir urus yang kukuh, usaha memperkasakan kelestarian sukar diterjemahkan secara menyeluruh.

14. Oleh itu, tema **"Standard Diperkukuh, Kelestarian Diperkasa"** amat bertepatan dengan keperluan semasa. Ia bukan sekadar tema program, tetapi satu komitmen bersama untuk memastikan JKR terus bergerak seiring dengan perkembangan teknologi, kehendak rakyat dan aspirasi pembangunan negara.

15. Saya percaya bahawa organisasi yang hebat bukanlah organisasi yang berpuas hati dengan pencapaian semalam, tetapi organisasi yang sentiasa berani memperbaharui pendekatan, meningkatkan standard dan mencipta penanda aras baharu demi masa hadapan yang lebih baik.

TIGA INISIATIF STRATEGIK JKR

Hadirin yang saya hormati,

16. Sebentar tadi, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Kerja Raya juga

telah memperincikan tiga (3) inisiatif strategik yang bakal dilancarkan oleh JKR, iaitu Polisi Pembangunan Lestari JKR, Standard JKR/SIRIM 2:2025 pH JKR Bangunan dan Sistem e-pH JKR.

17. Saya percaya ketiga-tiga inisiatif ini menandakan satu anjakan penting dalam memperkukuh agenda kelestarian JKR. Lebih daripada sekadar memperkenalkan dasar, piawaian dan sistem baharu, inisiatif ini akan memperkukuh tadbir urus, menyeragamkan amalan, mempercepatkan transformasi digital serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan penarafan hijau JKR.

MENGHARGAI KECEMERLANGAN WARGA JKR

18. Saya juga difahamkan bahawa program pada hari ini turut memberikan pengiktirafan kepada projek dan pasukan yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelaksanaan penarafan hijau JKR.
19. Pengiktirafan ini bukan sekadar menghargai kejayaan yang telah dicapai, malah menjadi inspirasi kepada seluruh warga JKR untuk terus meningkatkan standard, memperkukuh budaya inovasi dan menjadikan kelestarian sebagai amalan dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan.

20. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima pengiktirafan ini. Kejayaan yang diraikan pada hari ini membuktikan bahawa dengan komitmen yang tinggi, kepakaran yang mantap dan semangat kerja berpasukan yang utuh, aspirasi kelestarian mampu diterjemahkan kepada hasil yang nyata serta memberi manfaat kepada organisasi, rakyat dan negara.

21. Saya juga menyambut baik pelantikan *Champion Lestari JKR* yang akan berperanan sebagai ejen perubahan, pemudah cara dan penggerak utama dalam memperkukuh pelaksanaan agenda kelestarian di seluruh JKR.

22. Saya berharap pelantikan ini akan terus menyemarakkan budaya perkongsian ilmu, pemindahan kepakaran, inovasi serta amalan terbaik, sekali gus memperkukuh pembudayaan kelestarian sebagai sebahagian daripada budaya kerja dan penyampaian perkhidmatan JKR.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

23. Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JKR di semua peringkat atas

komitmen, profesionalisme dan dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan amanah pembangunan negara.

24. Di sebalik setiap jalan raya, jambatan, bangunan kerajaan dan kemudahan awam yang dibangunkan, terserlah usaha gigih, kepakaran serta semangat kerja berpasukan warga JKR demi kesejahteraan rakyat.

25. Sesungguhnya, kejayaan JKR selama ini adalah hasil sinergi pelbagai disiplin, kepakaran dan pengalaman yang digabungkan dengan komitmen yang tinggi.

26. Saya amat menghargai segala sumbangan dan pengorbanan seluruh warga JKR dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan terus dilaksanakan secara berkualiti, cekap dan berkesan.

27. Saya yakin bahawa dengan kekuatan kepakaran, pengalaman dan komitmen yang dimiliki, JKR akan terus menjadi peneraju pembangunan infrastruktur negara yang berkualiti, mampan dan berdaya tahan, serta menjadi penanda aras kecemerlangan sektor awam.

28. Akhir kata, saya berharap tema **"Standard Diperkukuh, Kelestarian Diperkasa"** terus menjadi panduan dan budaya kerja seluruh warga JKR dalam melaksanakan amanah dengan penuh integriti, profesionalisme dan tanggungjawab kepada rakyat serta negara.

29. Marilah kita bersama-sama memastikan setiap projek yang dirancang, dibina dan diselenggara bukan sahaja memenuhi keperluan hari ini, tetapi turut menjadi legasi yang memberi manfaat kepada generasi akan datang.

30. Kerana pada akhirnya, kecemerlangan sesebuah infrastruktur bukan hanya diukur melalui kekuatan binaannya, tetapi melalui nilai, manfaat dan kesejahteraan yang mampu diwariskan kepada masyarakat.

Dengan penuh rasa sukacitanya, saya merasmikan Program pH JKR Day 2026.

Sekian, terima kasih.

